



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

PENDIRIAN MALAYSIA BERKENAAN LAUT CHINA SELATAN

Pendirian Malaysia berkenaan Laut China Selatan adalah konsisten dan kekal tidak berubah. Kerajaan Malaysia tegas dan komited untuk mempertahankan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan Malaysia di dalam kawasan maritimnya di Laut China Selatan, seperti yang terkandung dalam Peta Baru Malaysia 1979. Malaysia berpendirian teguh bahawa isu-isu berkaitan Laut China Selatan mesti diselesaikan secara aman dan konstruktif, berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuk Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut 1982 (KUUL 1982).

Rujukan kepada 'rundingan' semasa Sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri di Parlimen pada 4 April 2023, Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim bermaksud sebarang isu berkaitan Laut China Selatan perlu dibincangkan atau diselesaikan secara aman menggunakan platform sedia ada dan juga melalui saluran diplomatik, dan tanpa menjejaskan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara, untuk mengelakkan sebarang peningkatan ketegangan (*escalation*) dan ancaman atau penggunaan kekerasan (*threat or use of force*).

Dalam usaha bersama demi memastikan Laut China Selatan kekal sebagai laut yang aman, stabil dan selamat untuk laluan perdagangan, maka dalam konteks ini Malaysia akan terus mengambil pendekatan diplomatik dalam urusannya dengan lain-lain negara, termasuk China.

Pendekatan ini adalah selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalam Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan (DOC), antaranya, penyelesaian konflik dengan aman dan mengelakkan ancaman atau penggunaan kekerasan, seperti yang dipersetujui oleh Negara-Negara Anggota ASEAN dan China pada tahun 2002.

Pendekatan rundingan juga sedang diambil Negara-Negara Anggota ASEAN dan China untuk memuktamadkan sebuah Kod Tatalaku di Laut China Selatan. Negara-Negara Anggota ASEAN dan China komited terhadap proses ini bagi menghasilkan sebuah Kod Tatalaku berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuk KUUL 1982.

PUTRAJAYA

8 April 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my